

16 JAN 1998

Mahathir-Barangan (Bergambar)

DR MAHATHIR KESAL RAKYAT KURANG YAKIN BARANGAN BUATAN SENDIRI

ALOR SETAR, 16 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan sikap sesetengah rakyat yang kurang yakin dengan barangan buatan tempatan sedangkan dunia mengiktirafnya.

Perdana Menteri berkata barangan tempatan kini dijual di negara maju dan mendapat pengiktirafan daripada mereka.

"Ini menunjukkan barangan buatan Malaysia bermutu tinggi tetapi malangnya rakyat Malaysia sendiri kurang yakin," katanya ketika merasmikan Kompleks Membeli-belah Star Parade, di Jalan Teluk Wanjah, di sini.

Dr Mahathir berkata beliau yakin rakyat Malaysia boleh keluar daripada belunggu ekonomi sekarang sekiranya mereka berjimat cermat dan membeli barangan tempatan.

Kompleks itu dibangunkan oleh Jejak Timuran Sdn Bhd iaitu syarikat usaha sama antara Pinggiran Mewah Sdn Bhd, Permodalan Kedah Bhd dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).

Pembinaan kompleks setinggi empat setengah tingkat itu di kawasan seluas 1.8 hektar bermula Ogos 1995 dan siap Januari tahun lepas. Ia menyediakan 198 ruang kedai.

Yang turut hadir di majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

-- BERNAMA

JM MAN MAI